

# PDRM kaji silibus latihan Kor Suksis

**BATU PAHAT 16 Ogos** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempertimbangkan untuk mengkaji semula silibus latihan kepolisan melibatkan ahli Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) yang memilih pasukan beruniform itu sebagai kerjaya mereka selepas tamat pengajian.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, pihaknya perlu mempersiapkan pegawai Kor Suksis dalam bidang lain bagi memantapkan pasukan pada masa akan datang memandangkan perkara asas telah dikuasai mereka.

Menurutnya, ahli Kor Suksis sudah menjalani latihan kawad dan

diberi pendedahan tentang undang-undang sepanjang mengikuti kursus di universiti awam masing-masing selama tiga tahun.

“Mereka sudah mempunyai kelebihan mengenai perkara-perkara itu selain biasa dengan budaya polis, diberi latihan kawad sehingga mahir dan segak yang secara tidak langsung memudahkan kita mengambil mereka.

“Namun, pada masa ini mereka masih perlu mengikuti silibus seperti kadet lain yang bukan dalam kalangan ahli Kor Suksis, cuma kita sedang mempertimbangkan untuk lihat silibus yang berlainan bagi mereka,” katanya di sini hari ini.